



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

2.8.2025
Siaran Media

DATO' Ir. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

KADAR AIR BAHARU 2026 BAKAL MENYUMBANG KEPADA PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR BEKALAN AIR DI PULAU PINANG

- Pelarasan tarif air yang dijadualkan berkuasa mulai 1 Ogos 2025 di seluruh negara, akan mula dilaksanakan di Pulau Pinang pada 1 Julai 2026.**
- PBAPP perlu mematuhi keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menangguhkan pelaksanaan tarif air baharu di Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Sabtu, 2.8.2025: Pelarasan tarif air di bawah Mekanisme Penetapan Tarif (Tariff Setting Mechanism – TSM) bagi Tempoh Pelaksanaan Kedua (TP2) yang dijadualkan berkuasa mulai 1 Ogos 2025 di seluruh negara, akan mula dilaksanakan di Pulau Pinang pada **1 Julai 2026**.

PBAPP tidak melaksanakan tarif air baharu di Pulau Pinang mulai 1 Ogos 2025, selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dibuat pada 26 Mac 2025.

Purata pelarasan baharu adalah sekitar 20 sen, secara keseluruhan. Pelaksanaan kadar air baharu akan meningkatkan hasil Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebanyak kira-kira RM20 juta bagi tempoh enam (6) bulan pada tahun 2026.

Butiran tarif air baharu yang telah diwartakan untuk Pulau Pinang adalah seperti berikut:

1. DOMESTIK (meter individu)		
Penggunaan sebulan	Kadar semasa (RM/m ³)	Bermula 1.7.2026 (RM/m ³)
0 – 20 m ³	0.62	0.65
20 – 35m ³	1.17	1.30
Melebihi 35m ³	2.07	2.21
Caj Minimum	6.20	6.50

2. BUKAN DOMESTIK		
Penggunaan sebulan	Kadar semasa (RM/m ³)	Bermula 1.7.2026 (RM/m ³)
0 - 35m ³	1.57	1.93
Melebihi 35m ³	2.17	2.31
Caj Minimum	15.70	19.30



3. DOMESTIK (meter pukal)

	Kadar semasa (RM/m ³)	Bermula 1.7.2026 (RM/m ³)
Kadar rata setiap m ³	1.73	1.92
Caj minimum	17.30	19.20

4. RUMAH IBADAT DAN INSTITUSI KEBAJIKAN

	Kadar semasa (RM/m ³)	Bermula 1.7.2026 (RM/m ³)
Kadar rata setiap m ³	0.67	0.67
Caj minimum	6.70	6.70

5. PERKAPALAN

	Kadar semasa (RM/m ³)	Bermula 1.7.2026 (RM/m ³)
Kadar rata setiap m ³	7.07	8.01
Caj minimum	70.70	80.10

6. PUSAT DATA

	Kadar semasa (RM/m ³)	Bermula 1.7.2026 (RM/m ³)
Kadar rata setiap per m ³	Tiada kadar spesifik	5.31
Caj Minimum		53.10

Hasil tambahan daripada pelarasan tarif ini dapat membantu PBAPP menyelesaikan isu bekalan air di Pulau Pinang dengan komitmen projek bekalan air seperti berikut:

Bil.	Isu Bekalan Air	Komitmen Projek
1.	Kecukupan bekalan air di daerah Seberang Perai Tengah (SPT).	Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Taman Mengkuang di bawah Pelan Kontingensi Air Pulau Pinang 2030 (WCP 2030). LRA baharu di Seberang Perai Tengah (SPT) ini akan membekalkan air terawat tambahan di SPT, sehingga 114 juta liter sehari (JLH) dengan kos pembinaan RM250 juta
2.	Kecukupan bekalan air di daerah Seberang Perai Selatan (SPS).	Projek Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Kerian Baharu dengan kos RM402 juta bakal membekalkan tambahan 114 juta liter air sehari (JLH), sekali gus meningkatkan kecekapan dan kebolehpercayaan perkhidmatan bekalan air di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS).
3.	Peningkatan keupayaan penyaluran dan pengepaman air terawat dari LRA Sungai Dua ke bahagian pulau.	Projek pembinaan saluran paip air terawat baharu sepanjang 3.9 kilometer dengan diameter 1.8 meter dari Kawasan Macallum ke Bukit Dumbar anggaran pelaburan sebanyak RM416 juta. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan keupayaan pengepaman air terawat dari Loji



		Sungai Dua.
4.	Kecukupan bekalan air di daerah Seberang Perai Selatan (SPS).	Menempatkan "LRA kompak di Sungai Kerian sebagai langkah sementara untuk menambah baik bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS) sehingga siap LRA Sungai Kerian 114 JLH pada tahun 2028.
5.	Peningkatan pengepaman untuk menambah baik bekalan air di Daerah Barat Daya (DBD).	Menaik taraf asset air utama, termasuk pam utama, di Kompleks Kolam air dan Stesen Pam Bukit Dumbar di bahagian pulau, Pulau Pinang untuk menambah baik bekalan air di Daerah Barat Daya (DBD).
6.	Untuk menyediakan infrastruktur pengendalian dan penyelenggaraan bahan kimia yang lebih selamat dan mencukupi selaras dengan penaiktarafan LRA Sungai Dua.	Pembinaan bangunan dos kimia baharu di LRA Sungai Dua, LRA terbesar dan terpenting Negeri Pulau Pinang, di Seberang Perai Utara (SPU).
7.	Kadar Air Tidak Terhasil (NRW)	Pengurangan kadar Air Tidak Berhasil (Non-Revenue Water, NRW) dilaksanakan melalui inisiatif penggantian meter air, pelaksanaan projek meter pintar, serta penggantian paip-paip utama dan injap

Hasil tambahan itu juga akan membantu menampung perbelanjaan operasi (OPEX) PBAPP yang semakin meningkat, termasuk kos perkhidmatan sokongan dan elektrik.

PBAPP amat menghargai kerjasama dan sokongan padu daripada pengguna dalam menjayakan usaha berterusan untuk menambah baik mutu perkhidmatan serta memperkuuh infrastruktur bekalan air di Pulau Pinang. Pelaksanaan ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kecekapan sistem bekalan air, malah memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat negeri ini terjamin untuk jangka masa panjang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my